

8 MAR 1996

Mahathir-TV

PM MAHU AHLI PERNIAGAAN DI LUAR NEGARA KEKALKAN NILAI-NILAI ASAS

Oleh: Zainoor Sulaiman

HANOI, 8 Mac (Bernama) -- Ahli-ahli perniagaan Malaysia di seberang laut yang mewakili Persyarikatan Malaysia seharusnya mengekalkan nilai-nilai asas dalam konteks komersil yang menguntungkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ini adalah pendirian Malaysia apabila mengambil bahagian dalam ekonomi Vietnam dan negara-negara lain," kata Perdana Menteri selepas menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Vinabumi, sebuah syarikat Malaysia, Vietnam Television, Binariang dan Reg Grundy Productions semasa melawat stesen televisyen Vietnam.

Yang hadir ialah Naib Perdana Menteri Vietnam Nguyen Khanh dan pengerusi Jabatan Ideologi dan Kebudayaan Pusat parti Komunis Vietnam Ha Dang dan anggota-anggota rombongan Malaysia.

Dr Mahathir berkata media adalah antara bidang perniagaan yang paling sensitif untuk diceburi.

Ia memerlukan kepekaan kepada budaya, adat dan ideologi negara tuan rumah, katanya.

"Kita telah belajar di Malaysia bahawa dalam era mendapatkan teknologi maklumat dan segala bentuk media yang semakin meningkat setiap hari, pembangunan bidang-bidang itu tidak sewajarnya menjejaskan nilai-nilai moral kita," katanya.

Beliau menyifatkan penandatanganan memorandum persefahaman itu sebagai satu sejarah di mana dua syarikat Malaysia dapat mengeratkan hubungan dengan Vietnam menerusi bidang media dan telekomunikasi.

"Sebuah syarikat komited untuk melabur sejumlah besar wang bagi membantu Vietnam Television menyediakan liputan program yang menyeluruh, manakala sebuah lagi menyediakan cara bagi objektif itu dicapai," katanya.

Ia lebih bermakna berikutan penerimaan Vietnam sebagai anggota Asean, katanya.

Dr Mahathir berkata pada sedikit masa dahulu tidak dapat dibayangkan syarikat-syarikat Malaysia mampu menceburkan diri dan bersaing di pasaran terbuka dengan syarikat-syarikat dari negara-negara maju.

Di bawah memorandum persefahaman antara Vinabumi Transmitters (VBT) Ltd. dan Vietnam Television (VTV), VTV akan memasang rangkaian pemancar dan stesen pemancar bagi membolehkan VTV menyiarkan program-programnya sendiri.

Memorandum persefahaman itu meliputi pengeluaran program tempatan, pra dan selepas produksi, peningkatan kemudahan sedia ada dan aktiviti-aktiviti bersangkutan yang lain, bagi membolehkan VTV mencapai beberapa sasaran yang ditetapkan dalam rancangan induknya.

Satu ciri yang unik dalam kerjasama itu ialah penyewaan kemudahan transponder pada Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT).

VBT ialah sebuah syarikat di bawah Kumpulan Vinabumi yang terbabit dalam pelbagai aktiviti di Vietnam dan negara-negara Indochina yang lain, seperti infrastruktur, pengurusan acara-acara sukan, media, pembangunan hartanah dan penggalakan acara-acara kebudayaan. -- BERNAMA

ZS AKD